

Aesona

BULETIN SENI, PUSAT SENI & WARISAN

Bakat Disemai, Warisan Dipelihara *Nurturing Talent & Preserving Heritage*

EDISI
JUN & JULAI
2011





ISTIMEWA BULAN INI

Motivasi

Pasukan Dikir Barat unisZA mula tunjuk belang

Kelab Koir unisZA Mula Aktif

Lirik Bulan Ini





Atasi Sikap Bertanggung

Antara faktor yang menjadi penyebab tanggung ini ialah

1. Pengurusan yang lemah, sama ada dari segi pengurusan diri, masa, sumber dan tugas.
2. Takut, sama ada takut kepada kegagalan mahu pun takutkan kejayaan. Ada orang takut Berjaya kerana kejayaan bermakna tanggungjawab lebih besar, masa makin sibuk dan tiada masa untuk perkara lain, ramai orang yang akan dengki dan sebagainya. Ada pula yang takutkan kegagalan kerana bimbang dikritik, dimarahi, dipandang rendah, takut kerja tidak cukup bagus dan sebagainya. Walau apa sekalipun alasannya, 90% daripada apa yang disangkakan sebenarnya tidak akan berlaku.
3. Terlalu mahukan kesempurnaan. Ada ketikanya sesuatu perancangan itu tertanggung perlaksanaannya kerana kita mahukannya terlalu sempurna. Begitu banyak masa dan tenaga dibazirkan dengan mengkaji keburukan-keburukan yang mungkin terjadi.
4. Masalah fizikal. Masalah kesihatan dan tenaga yang kurang boelh mendorong perasaan malas. Ini membuatkan banyak kerja-kerja gagal disempurnakan kerana diri tidak produktif.
5. Masalah sikap. Sikap adalah penyumbang paling utama kepada masalah tanggung. Apabila kita bersikap sambil lewa, ambil mudah dan tiada komitmen serta disiplin terhadap diri kita dan tugas-tugas yang diserahkan maka segalanya pasti akan tertanggung.

Bagaimana mengatasinya?

1. Agih-agihkan tugas. Pastikan tugasan bersesuaian dengan tenaga dan masa yang diperuntukkan.
2. Buat senarai tugas atau 'TO DO LIST'.
3. Dapatkan satu diari atau boleh juga menggunakan telefon bimbit untuk masukkan aktiviti kita.
4. Sediaka segala keperluan yang berkaitan lebih awal.
5. Tukar cara fikir atau 'mindset' kita.
6. Just Do It! Jangan peduli apa orang lain akan kata. Ia adalah soal masa depan kita.
7. Belajar dari kesilapan.
8. Senaman secara konsisten.
9. Jaga diet atau pemakanan.
10. Rehat yang cukup.
11. Mulakan sedikit, bertatih sebelum berlari.
12. Ganjari diri sendiri setiap kali dapat menyelesaikan sesuatu tugas atau pekerjaan.



Pasukan Dikir Barat UniSZA Mula Tunjuk Belang!!

Pada 25 Jun 2011 pasukan dikir barat UniSZA telah menyertai Pertandingan Dikir Barat anjuran Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Terengganu.

Pertandingan ini diadakan sempena Program Merakyatkan Seni Budaya yang mempunyai beberapa objektif utama iaitu untuk memartabatkan seni budaya melalui pendidikan sebagai satu alat yang dapat memberi kesedaran kepada semua golongan masyarakat, merakyatkan seni dan budaya ke kawasan Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, menanamkan rasa cintakan seni dan budaya kepada warga kampus khususnya di Institut Pendidikan Guru, merakyatkan semangat gotong-royong dan bekerjasama melalui kenduri komuniti kampus, aktiviti seni budaya dan sukan rakyat serta mendekatkan masyarakat kampus dengan pemimpin Negara, negeri dan setempat melalui aktiviti seni dan budaya.

Menerusi pertandingan dikir barat yang diadakan, Pasukan Dikir Barat UniSZA Berjaya merangkul 2 anugerah utama iaitu Dan Kejayaan ini membuktikan bahawa pasukan Dikir Barat UniSZA berjaya meningkatkan kualiti persembahan berbanding yang sebelumnya.

Syabas dan Tahniah diucapkan!



Kelab Koir UniSZA Kembali Aktif



Sebahagian ahli kelab koir 2011 bergambar kenangan di Galeri Seni , Pusat Seni & Warisan, UniSZA

CARTA ORGANISASI

Kelab Koir UniSZA 2011

Pengerusi

Muhammad Syafiq b. Muhamad Sham (012-2826345)



Naib Pengerusi

Nureliliawaty bt. Ahmad Kamer (014-2410901)



Setiausaha

Nur Atiqah bt Mat Nazeri (014-7049686)



AJK

Persembahan & Latihan

Khairee b. Sahil (017-7809373)

Nor Ani Adiba bt Abdul Razak (017-4133327)



Kebajikan

Afnan Fahim b. Makhul (017-7646073)

Nurul Kamilah bt. Malip (013-3063810)



Promosi & Keahlian

Mohamad Elias b. Kamarudin (010-7051750)

Sarina bt. Kasoh (013-5540636)



Tugas-Tugas Khas

Ahmad Rashdan b. Shariff (013-9707844)

Zainab bt. Mat (012-9013219)



Lirik Lagu Rakyat Terengganu : Ya Bani Ya Badang

Ya bani ya badang
Gok gelek tumbuh di bukit
Untung batu tumbuh di lembah
Nok tengok barang sedikit
Bukan mudah sebarang mudah
Nok sambut badang menari

Ya bani ya badang
Gok gelek tumbuh di bukit
Bukit Peroh Bukit Gemuruh
Tari Balai mula asal
Cari ilmu jangan tangguh
Kalau lambat kita nyesal

Ya bani ya badang
Gok gelek tumbuh di bukit
Jalan redup ke Bukit Perepat
Tingkah gendang sayup bergema
Kalau hidup dok beradat
Comel rupa dok berguna

Ya bani ya badang
Gok gelek tumbuh di bukit
Batu Bersurat sejarah bangsa
Kuala Berang kota budaya
Budi adat jangan dilupa
Baik amal sepanjang masa

Muzik solo

Ya bani ya badang

Gok gelek tumbuh di bukit

Pulut panggang pulut lepa

Dua nama benda serupa

Ini lagu dok mengata

Nok beringat sesama kita



Penulis Buletin

Wan Norsahirah Dalillah Wan Suruji
Pembantu Kebudayaan
Pusat Seni & Warisan
Universiti Sultan Zainal Abidin

